

DICODONE TABLET

Paracetamol/Codeine Phosphate (500mg/8mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan Dicodone Tablet
2. Bagaimana Dicodone Tablet berfungsi
3. Sebelum mengambil Dicodone Tablet
4. Cara menggunakan Dicodone Tablet
5. Semasa mengambil Dicodone Tablet
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan Dicodone Tablet
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Dicodone Tablet

Dicodone Tablet digunakan untuk melegakan kesakitan seperti sakit kepala, sakit perut, sakit otot dan tulang serta melegakan ketidakselesaan dan demam semasa selesema dan jangkitan virus. Ia juga boleh melegakan kesakitan yang disebabkan oleh prosedur pergigian.

Dicodone turut digunakan pada individu berumur 12 tahun ke atas, sekiranya ubat penahan sakit yang lain tidak berkesan untuk mereka.

Bagaimana Dicodone Tablet berfungsi

Dicodone mengandungi dua bahan aktif iaitu paracetamol dan codeine phosphate. Paracetamol dan codeine phosphate bertindak bersama untuk melegakan kesakitan. Paracetamol juga bertindak untuk mengurangkan demam.

Sebelum mengambil Dicodone Tablet

-Bila tidak boleh mengambil

Jangan ambil ubat ini jika:

- anda alah kepada paracetamol, codeine atau mana-mana bahan lain yang terkandung dalam ubat ini (disenaraikan dalam Maklumat lanjut).
- di bawah umur 12 tahun
- berumur di bawah 18 tahun yang telah menjalani pembedahan berkaitan masalah tidur (pembuangan tonsil dan/atau adenoid)
- anda tahu badan anda menukarkan codeine kepada morfin dengan cepat

Mengandung dan menyusukan anak

Jika anda hamil, merancang untuk hamil atau berpendapat anda mungkin hamil, berbincang dengan doktor anda sebelum memulakan sebarang ubat.

Ambil Dicodone dengan berhati-hati jika diambil semasa hamil, terutamanya pada 3 bulan terakhir kehamilan. Penggunaan Dicodone harus dielakkan semasa 3 bulan terakhir kehamilan dan semasa bersalin, kerana ia boleh memudaratkan bayi anda.

Dicodone dirembeskan ke dalam susu ibu dan boleh menjejaskan bayi anda. Oleh itu, Dicodone tidak boleh diambil semasa menyusui.

-Sebelum mengambil Dicodone Tablet

Beritahu doktor anda jika anda mempunyai atau pernah mengalami sebarang masalah kesihatan termasuk:

- Penyakit hati
- Penyakit buah pinggang
- masalah pernafasan.

-Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor atau ahli farmasi anda jika anda sedang mengambil ubat lain, termasuk sebarang ubat yang anda beli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan.

Beritahu doktor anda jika anda sedang mengambil, ubat berikut :

- metoclopramide atau domperidone (ubat untuk loya, muntah)
- cholestyramine (ubat untuk menurunkan kolesterol tinggi dalam darah)
- ubat cair darah seperti warfarin
- benzodiazepine (ubat penenang yang biasa digunakan untuk merawat keresahan dan masalah tidur)
- Ubat serotonergik (ubat yang biasanya digunakan dalam masalah berkaitan mental)
- ubat lain yang mengandungi morfin atau opioid
- ubat lain yang mengandungi paracetamol

Cara mengambil Dicodone Tablet

Patuhi semua arahan yang diberikan oleh doktor atau ahli farmasi anda dengan teliti.

-Berapa banyak harus diambil

Dewasa dan kanak-kanak melebihi 12 tahun: Ambil 2 tablet setiap 4 jam bila sakit,, tidak melebihi 8 tablet setiap hari.

Jangan hancurkan, pecahkan, kunyah atau

larutkan tablet - telan keseluruhan.

Kanak-kanak berumur 12 hingga 18 tahun: Doktor anda akan memutuskan sama ada anda boleh mengambil Dicodone berdasarkan keadaan pernafasan anda.

-Bila perlu digambil

Telan tablet keseluruhan dengan segelas air, setiap 4 jam atau seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

-Berapa lama perlu diambil

Ambil Dicodone Tablet mengikut tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda.

Sekiranya kesakitan anda tidak bertambah baik, atau menjadi lebih teruk, hentikan ubat dan segera berjumpa doktor.

-Jika terlupa mengambil

Ambil dos yang tertinggal sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos yang tertinggal dan kemudian teruskan mengambil ubat mengikut jadual seperti biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

-Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah diambil. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Mengambil terlalu banyak tablet boleh menyebabkan paras paracetamol tinggi dalam darah dan menyebabkan masalah hati, gangguan pendarahan, gula darah rendah, masalah buah pinggang, koma dan kematian jika tidak dirawat dengan segera. Selain itu, pengambilan codeine secara berlebihan boleh menyebabkan mengantuk yang teruk, kekeliruan, anak mata menjadi kecil, pernafasan perlahan/cetek, loya.

Semasa mengambil Dicodone Tablet

-Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda seperti yang diarahkan oleh doktor anda.

Beritahu semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda

DICODONE TABLET

Paracetamol/Codeine Phosphate (500mg/8mg)

sedang mengambil Dicodone.

Beritahu doktor anda dengan segera jika anda hamil semasa mengambil ubat ini.

Ambil Dicodone hanya dengan preskripsi doktor

-Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan ambil sebarang ubat baharu tanpa berunding dengan doktor atau ahli farmasi anda.

Jangan berikan Dicodone kepada orang lain, walaupun mereka mempunyai simptom atau keadaan yang sama seperti anda.

-Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan mengkan mesin

Ubat ini boleh menjejaskan keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan mesin. Jika tablet membuatkan anda berasa pening atau mengantuk, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Berhenti menggunakan Dicodone jika tindak balas kulit yang teruk seperti kemerahan, lepuh atau ruam berlaku dan dapatkan bantuan perubatan segera. Ianya mungkin menandakan keadaan yang teruk.

Jangan ambil Dicodone bersama dengan alkohol.

Ambil Dicodone dengan berhati-hati dan hentikan pengambilan sekiranya terdapat sebarang kesukaran bernafas, dan segera berjumpa doktor.

Dicodone boleh menyebabkan kekurangan adrenal, terutamanya selepas penggunaan yang berpanjangan. Gejala termasuk loya, muntah, lemah, dan tekanan darah rendah. Doktor anda mungkin perlu melakukan beberapa ujian makmal dan merawat jika perlu.

Beritahu doktor anda tentang sebarang perubahan kesihatan mental (contohnya, mudah marah, kegelisahan, keresahan melampau, dan sebarang pergerakan yang tidak normal).

Dapatkan nasihat doktor jika anda mendapati penurunan ketara dalam

dorongan seks.

Kesan-kesan sampingan

Semua ubat boleh mempunyai kesan sampingan. Kebiasaannya kesan sampingan ringan, namun boleh menjadi serius.

Kesan sampingan biasa codeine:

- Pening
- mengantuk teruk
- Loya
- Muntah

Kesan sampingan paracetamol:

- Secara umumnya diterima dengan baik apabila diambil dalam dos yang disyorkan.
- Kesan sampingan yang jarang berlaku termasuk tindak balas kulit, seperti geligata, bengkak dan ruam
- Reaksi kulit yang lebih serius seperti *Stevens-Johnson Syndrome/Toxic Epidermal Necrolysis*

Pengalaman pasca pemasaran:

- Sindrom Serotonin (Lihat -Perkara yang perlu diberi perhatian)
- Kekurangan Adrenal (Lihat -Perkara yang perlu diberi perhatian)
- Penggunaan dalam tempoh yang lama boleh menyebabkan gejala seperti dorongan seks rendah, mati pucuk atau ketidaksuburan.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan adwers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Adwers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my (*Consumers* → *Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)*).

Cara penyimpanan dan pelupusan Dicodone Tablet

-Penyimpanan

Simpan pada suhu di bawah 30°C. Lindungi daripada cahaya.

-Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

-Rupa dan warna produk

Tablet putih atau putih pudar, bulat, dwicembung dengan garis pada satu bahagian dan kosong pada sebelah yang lain.

-Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif:

Setiap tablet mengandungi:
Paracetamol 500mg
Codeine phosphate 8mg

- Bahan tidak aktif:

Potassium sorbate
Talcum
Corn starch
Magnesium stearate
Povidone 30

-Nombor MAL

MAL19871077AZ

Pengilang

Noripharma Sdn. Bhd.
Lot 5030, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor, Malaysia

Pemegang Pendaftaran Produk

Pahang Pharmacy Sdn. Bhd.
Lot 5979, Jalan Teratai,
5 1/2 Mile Off Jalan Meru,
41050 Klang, Selangor, Malaysia.

Tarikh kemaskini RiMUP

06/09/2024

Nombor Siri:

NPRA(R4/1)210824/00112